

**TEKS UCAPAN  
KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN, NAIB CANSELOR UniMAP  
DI FESTIVAL NASYID KEMERDEKAAN IPTA PERINGKAT KEBANGSAAN  
EDISI KE-4**

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

**MENGADAP DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA  
IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, TUANKU CANSELOR UniMAP  
DAN DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU HAJJAH LAILATUL SHAHREEN  
AKASHAH KHALIL, RAJA PUAN MUDA PERLIS.**

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun,

***Raja bertakhta berjiwa rakyat,  
Aman makmur Negeri berdaulat,  
Bercemar duli sembah di angkat,  
Tradisi melayu sembah beradat.***

Terlebih dahulu, patik bagi seluruh warga Universiti Malaysia Perlis dan para tetamu ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, di atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar duli berangkat ke **Festival Nasyid Kemerdekaan IPTA Peringkat Kebangsaan Edisi Ke-4 2007.**

Sesungguhnya keberangkatan Duli Tuanku berdua ke majlis ini begitu besar erti dan maknanya kepada kami semua warga IPT kerana dengan kehadiran Duli-Duli Tuanku akan memberikan semangat kepada kami semua dalam terus menganjurkan program-program yang mampu memartabatkan IPT di persada dunia.

Ampun tuanku,

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir.

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI DR. SHAHIDAN KASSIM, MENTERI  
BESAR PERLIS DAN YANG AMAT BERBAHAGIA DATIN SERI.**

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI CHE SULAIMAN SHAFIE, SPEAKER DEWAN  
UNDANGAN NEGERI PERLIS DAN YANG BERBAHAGIA DATIN.**

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ISMAIL OSMAN, SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI PERLIS DAN YANG BERBAHAGIA DATIN.**

**AHLI- AHLI YANG BERHORMAT.**

**DIF – DIF KEHORMAT.**

**YANG BERBAHAGIA KETUA PENGARAH KEBUDAYAN, KESENIAAN & WARISAN  
MALAYSIA,**

**Y.BHG. TIMBALAN – TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI) IPTA.**

**KETUA-KETUA JABATAN PERSEKUTUAN & NEGERI,**

**PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI, DEKAN – DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,**

**WAKIL-WAKIL MEDIA.**

**PESERTA-PESERTA FESTIVAL NASYID KEMERDEKAAN IPTA PERIKNGKAT KEBANGSAAN EDISI KE 4,**

**SETERUSNYA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.**

Merafa' syukur kehadiran Allah Subhanahuwataala kerana dengan izin dan inayahNYA sekali lagi kita semua warga IPT bersama-sama dapat bertentang mata, bersua muka, beramah mesra, menyusun kata pada malam yang cukup cemerlang, dewan yang penuh gemilang dan acara yang pastinya terbilang.

Terlebih dahulu, saya mewakili warga UniMAP ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tanda terima kasih yang tidak terhingga kepada **Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan B. Kassim, Menteri Besar Perlis & Yang Amat Berbahagia Datin Seri, dif-dif kehormat, para tetamu jemputan** kerana kesudian hadir, meluangkan sedikit masa bagi memeriahkan majlis yang cukup bermakna ini. Sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua sudah pasti membuka lembaran bibit bibit cinta dan mengikat talian kasih terhadap kami seluruh warga IPT.

Saya juga ingin mengalu-alukan kedatangan para delegasi dan peserta festival nasyid dari 15 buah Institut Pengajian Tinggi Awam dari seluruh negara ke UniMAP khususnya dan negeri Perlis yang permai lagi mempersona amnya.

***Lari puyuh jalan kontang,  
Tetak dengan batang kemudi;  
Darilah jauh tuan puan datang,  
Kami sambut segunung budi.***

Ucapan syabas, tahniah dan sekalung penghargaan juga diucapkan kepada Kementerian Kebudayaan, Keseniaan & Warisan Malaysia (KeKKWa) dan Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) serta kepada seluruh ahli jawatankuasa program pada malam ini kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dan padu dalam menjana kewangan, menyatu idea, menyempurna kerja, menzahir upacara dalam memastikan program ini terlaksana dengan penuh jayanya.

***Sayang selasih ditumpah minyak,  
Bunga jengking dengan jerami;  
Terima kasih banyak-banyak,  
Kerana sudi bersama kami.***

Hadirin dan hadirat sekalian,

2007 merupakan tahun yang begitu signifikan kepada kita semua rakyat Malaysia . Angka 50 mungkin tidak mempunyai apa erti jika dilihat dengan penuh sinis. Ulangtahun ke 50 Malaysia mencapai Kemerdekaan mempunyai 1,001 rahsia yang perlu dirungkai dan dihayati khususnya kepada semua generasi muda, mahasiswa sekalian. Festival Nasyid Kemerdekaan ini yang sudah pasti setiap tahun kita raikan sebenarnya merupakan wadah perjuangan yang paling sinonim dalam menzahirkan kesetiaan kita semua kepada tanahair yang tercinta bertepatan dengan tema Festival Nasyid edisi ke-4 ini “**Kesetianegaraan Melalui Pembudayaan Nasyid Ke Arah Melahirkan Mahasiswa Berkeperibadian Mulia**”. Saya percaya, pertaruhan 15 IPTA dalam memperjuangkan mesej masing-masing dalam festival kali ini melalui gubahan lirik dan lagu sendiri adalah lahir dari hati dan sanubari mahasiswa dalam menghayati erti kemerdekaan sebenar. Malam ini saya difahamkan 6 dari 15 IPT layak ke peringkat akhir. Kepada yang kurang bernasib baik, saya tidak akan menggunakan istilah 'kalah' di sini. Anda semuanya adalah layak dan 'menang' di hati saya. Cuma bila dikatakan adat pertandingan, pasti akan ada yang menang dan kalah. Kehadiran dan penyertaan anda semua memberi pengertian yang besar kepada saya khususnya UniMAP selaku tuan rumah. Kepada yang layak ke akhir, selamat berjuang diucapkan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada malam ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perlis dibawah pimpinan YAB Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim, Kementerian Kebudayaan, Keseniaan & Warisan Malaysia (KeKKWa) dibawah pimpinan YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, MAKUM yang dipengerusikan oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan semua pihak samaada secara langsung atau tidak langsung dalam menterjemahkan perjuangan kemerdekaan ini melalui festival ini.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada para peserta Festival Nasyid Kemerdekaan IPT Peringkat Kebangsaan Edisi ke-4 ini kerana telah sudi mengambil bahagian dan memberi sokongan dalam menjayakan festival ini. Semoga perjalanan pulang para delegasi ke destinasi masing-masing dilindungi oleh Allah SWT, pandulah dengan berhati-hati. Akhir kalam, Salam Kemerdekaan untuk semua.

Ampun tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili seluruh warga UniMAP dan hadirin tetamu yang hadir ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi kepada ke bawah duli Tuanku berdua kerana telah sudi bercemar duli berangkat ke Festival Nasyid Kemerdekaan IPTA Peringkat Kebangsaan edisi ke-4 2007.

Patik sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.